

**MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KALI KE-59  
KOPERASI CO-OPBANK PERSATUAN MALAYSIA BERHAD  
PADA 29 APRIL 2018**

**KENYATAAN MEDIA**

**PRESTASI KEWANGAN CO-OPBANK PERSATUAN**

1. Bagi tahun kewangan 2017 Co-opbank Persatuan (CBP) telah mencatatkan jumlah keuntungan melepasi sasaran sebanyak RM28 juta. Prestasi yang direkodkan merupakan pencapaian tertinggi dalam sejarah penubuhan CBP dengan lonjakan 54% atau RM14 juta menjadikan jumlah keuntungan pada tahun 2017 sebanyak RM39.7 juta berbanding tahun 2016 sebanyak RM 25.7 juta.
2. Jumlah aset CBP bertambah sebanyak 38.1% kepada RM3.15 bilion pada tahun 2017 daripada RM2.28 bilion pada tahun 2016. Sebahagian besar pertumbuhan aset adalah dalam bentuk pembiayaan dan penempatan aset perbendaharaan yang khususnya deposit dengan institusi kewangan. Pulangan aset CBP juga meningkat kepada 1.2% menyamai purata pulangan aset institusi kewangan Islam iaitu 1.1%.

3. Dalam pada itu, jumlah bilangan ahli individu juga meningkat seramai 3,535 anggota kepada 78,389 pada akhir tahun 2017. Begitu juga jumlah bilangan anggota koperasi baru meningkat kepada 603 dengan lonjakan sebanyak 72 koperasi bagi tahun 2017. Dengan peningkatan ini, modal syer CBP turut melonjak kepada RM371.5 juta pada akhir tahun 2017 berbanding RM344.6 juta (2016).
4. Jumlah penerima deposit melonjak sebanyak 46% kepada RM2.57 bilion pada penghujung 2017. Perbelanjaan berhemah telah membantu menurunkan nisbah “cost-to-income” daripada 53.2% (2016) kepada 46.5% (2017). Kaedah yang diambil adalah melangsaikan semua sumber pembiayaan “revolving credit” berkos tinggi pada purata 4.5% dengan institusi kewangan.
5. Pembiayaan dalam bentuk “revolving credit” diperlukan ketika itu bagi menampung keperluan sumber pendanaan. Strategi pendekatan seimbang pertumbuhan jumlah pembiayaan dan kos pengurusan dana telah memberi impak positif kepada prestasi pengurusan kewangan CBP.
6. Jumlah pendapatan CBP meningkat sebanyak 33% kepada RM182 juta tahun 2017 berbanding RM136.9 juta tahun 2016. Peningkatan ini sebahagian besar disumbangkan oleh produk Pembiayaan Peribadi sebanyak 86% dan Perbendaharaan sebanyak 12.4% didorong oleh Kempen Pemasaran yang lebih agresif.

7. Jumlah simpanan deposit dikalangan anggota individu adalah sebanyak RM139.9 juta dan hanya 5.5% daripada jumlah keseluruhan deposit (RM2.6 bilion). Kadar peratusan menunjukkan angka deposit dikalangan individu masih rendah. Sebagai tanda sokongan dan perancangan kewangan masa hadapan, kami menggalakkan semua perwakilan untuk meningkatkan simpanan deposit.

## **CABARAN CO-OPBANK PERSATUAN**

8. CBP perlu mematuhi semua nisbah kehemat yang telah ditetapkan oleh badan-badan pengawal selia sebagai sebuah institusi Co-opBank. Kesemua nisbah telah dipatuhi oleh CBP seperti keperluan Nisbah Mudah Tunai (LAR) sekurang-kurangnya 25%, Nisbah Perlindungan Kerugian Pembiayaan (LLCR) 100% dan Nisbah Pembiayaan Atas Deposit (LDR) 100%.
9. Namun begitu, cabaran bagi CBP apabila Nisbah Leveraj (LR) tidak mencukupi modal minimum 20% dan atas keperluan tersebut, CBP telah menerbitkan Saham Keutamaan Boleh Tebus dan Tukar (iRCPS). Dengan persetujuan bersama Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Nisbah Leveraj minimum 20% telah dipenuhi apabila Bank Rakyat bersetuju melanggan iRCPS sebanyak RM200 juta.

## **PENGUKUHAN DAN TRANSFORMASI CBP**

10. Beberapa transformasi telah dirangka untuk mengukuhkan lagi kedudukan CBP sebagai CoopBank pertama di Malaysia. Penyusunan semula beberapa jabatan serta perpindahan jabatan utama dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur telah dilaksanakan secara berperingkat bermula tahun 2017 seiring dengan perkembangan perniagaan CBP. Pembukaan empat cawangan sehingga hujung tahun 2018 di Batu Pahat, Kuala Selangor, Temerloh dan Pork Dickson akan menjadikan jumlah keseluruhan cawangan CBP adalah 24 buah.
11. CBP turut memperkenalkan produk baru seperti Pembiayaan Kontrak, Pemfaktoran, Jaminan Bank, Ar-Rahnu dan meningkatkan Pendapatan Berasaskan Fi (*Fee-based Income*) serta penerokaan pasaran baru melalui Ejen Perbankan, Bank Bergerak serta kemudahan Kad Debit CBP yang dijangka akan dilaksanakan sebelum hujung tahun ini untuk kemudahan para pelanggan dan anggota.

**TUAN HAJI KAMARI ZAMAN BIN JUHARI**  
**PENGERUSI**  
**CO-OPBANK PERSATUAN**

**29 APRIL 2018**